

TAHAP PENGUASAAN TERHADAP KOMPONEN MASAKAN DALAM KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

Azita Ali*, Zaiton Abdullah Zawawi
Faculty of Technical and Vocational Education, UTHM
*Correspondence: azita@uthm.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan Komponen Masakan di kalangan pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Kajian telah dijalankan di sebuah sekolah harian biasa di daerah Kuantan yang menjalankan Program Pendidikan Khas Intergrasi iaitu Sekolah Menengah Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad Kuantan Pahang. Borang soal selidik yang dibina sendiri telah diedarkan kepada 30 responden. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Winsteps 3.69.11. Hasil menunjukkan responden berminat belajar Komponen Masakan yang terdapat dalam mata pelajaran kemahiran hidup berdasarkan skor min 4.846 dan berada pada tahap tinggi. Responden juga memahami isi kandungan Komponen Masakan yang diajar oleh guru pada skor min 4.366 juga pada tahap yang tinggi. Pelajar juga mengaplikasikan bahagian amali Masakan ini pada kehidupan seharian mereka pada skor min 4.28. Kajian ini mencadangkan supaya isi kandungan mata pelajaran perlu disesuaikan dengan tahap keperluan dan perkembangan pendidikan semasa.

Kata Kunci: *Komponen masakan, Pelajar Pendidikan Khas*

ABSTRACT

The purpose of this research is to study the perception of Special Education in Learning Problems students towards the subject Component Cuisine. The study has been conducted in Sekolah Menengah Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad Kuantan Pahang. In order to achieve all the objectives, questionnaire has been distributed to the 30 respondents. All the data that obtained from the questionnaire has been analyzed into frequency, percentage and mean score by using Winstep 3.69.11. The first objective of this research used the crosstab data analysis shows the mean score 4.846 which indicate the high level and prove that the respondents interested in learning the Life Skills. While in the aspects of respondent's understanding towards the subject that teach by their teacher also shows a high level with the mean score 4.366 and indirectly achieve the second objective. From the study on the third objective, it shows a mean score 4.28 which indicate the high level of respondents application in practicing the subject skills into their life. The conclusion of respondents have applied the practical skills in the subject at home and it is suggesting those Special Education teachers who teach the Life Skills subject to be more attentive towards their students.

Keywords: *Component Cuisine, Special education students*

1.0 PENGENALAN

Kanak-kanak istimewa ini sebagaimana kanak-kanak lain akan menjalani persekolahan bermula dengan pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Kanak-kanak ini boleh memasuki pra sekolah melalui program pra sekolah di sekolah pendidikan khas. Mereka mestilah berumur 6 tahun – 14 tahun. Mereka mestilah disahkan oleh pengamal perubatan sebagai kanak-kanak istimewa. Apabila tamat prasekolah kanak-kanak pendidikan khas boleh memasuki sekolah rendah mengikut aliran akademik. Kementerian telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti asrama dan makan minum secara percuma. Murid yang mengikuti program pendidikan khas integrasi boleh mengikuti kurikulum kebangsaan atau kurikulum alternatif (Kurikulum Sepadu Sekolah Menengah, 2006).

Jabatan pendidikan khas (2008) menggariskan pelajar pendidikan khas masalah pembelajaran mempunyai masalah dalam tingkah laku mereka, seperti masalah neurologikal, fizikal, psikologikal dan masalah persekitaran. Kanak-kanak ini akan memasuki sekolah intergrasi di mana mereka akan ditempatkan di dalam kelas khas tetapi masih bersekolah di sekolah menengah akademik biasa. Mereka akan belajar mata pelajaran yang sama dengan pelajar normal yang lain. Kemahiran Hidup merupakan salah satu mata pelajaran yang perlu dipelajari oleh pelajar-pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran, (Jabatan Pendidikan Khas, 2008). Walau bagaimanapun, kurikulum dan sukatan yang perlu mereka pelajari tidaklah sama dan sesukar kurikulum dan sukatan pelajaran yang perlu dipelajari oleh murid-murid normal. Hassan (2007) menyatakan ini bersesuaian dengan tahap pemikiran dan keupayaan mereka. Mereka perlu belajar secara teori dan amali sebagaimana pelajar normal yang lain. Modul pembelajaran Kemahiran Hidup disediakan untuk kegunaan murid. Modul ini mengandungi lembaran kerja, senarai semak untuk menguji kefahaman dan penguasaan murid bagi mencapai standard kandungan dan standard pembelajaran (Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran, 2013).

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Asas disusun mengikut 4 komponen iaitu Masakan, Jahitan, Perkebunan, Penternakan Haiwan (Kurikulum Sepadu Sekolah Rendah, 2013). Bagi murid pendidikan khas komponen masakan memberi penekanan kepada pengetahuan asas, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan bidang memasak. Perkara ini penting untuk membolehkan murid sedar dan berkeyakinan mempraktikkan keperluan sosial untuk berdikari. Komponen ini bertujuan melatih murid supaya berkemahiran dan mampu berdikari untuk diaplikasi di dalam kehidupan seharian (Jabatan Pendidikan Khas, 2004)

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Kanak-kanak bermasalah pembelajaran mempunyai masalah di dalam tingkah laku mereka, seperti masalah neurologikal, fizikal, psikologikal dan masalah persekitaran, (Jabatan Pendidikan Khas, 2008). Keupayaan fizikal dan mental kanak-kanak ini adalah terbatas. Kanak-kanak ini biasanya tidak dapat mengikuti pelajaran yang di ajar oleh guru yang menggunakan kaedah biasa. Ini kerana mereka tidak dapat memberi tumpuan dan minat terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan ini selari dengan kenyataan Hassan (2007) iaitu kanak-kanak ini memerlukan tempoh masa yang lebih untuk menyiapkan tugas mereka. Segala

kekurangan yang ada pada pelajar istimewa ini dilihat menyebabkan mereka menghadapi banyak masalah untuk memahami isi kandungan mata pelajaran yang disampaikan dan melakukan sendiri kerja-kerja amali. Musa, A. W. (2004) menyatakan mereka masih berkemampuan untuk belajar dan melakukan kerja amali bergantung kepada jenis kecacatan yang mereka alami. Menurut Mohd, *et al.*, (2007) pelajar-pelajar khas merupakan watak pasif dalam program pendidikan, kekuatan mereka perlu disuntik dan dibentuk semula untuk menjadikan mereka manusia yang boleh menyumbang ke tahap yang paling optima sekurang-kurangnya untuk diri sendiri.

Di dalam kajian ini pengkaji memilih untuk fokus kepada Komponen Masakan. Isu ini dipilih kerana Komponen Masakan merupakan komponen teras yang diajarkan di kelas-kelas pendidikan khas. Komponen Masakan terdapat di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Mereka mengalami kesukaran dalam pemikiran abstrak dan memerlukan pengulangan apabila mempelajari konsep baru (Jamila & Mohamed, 2005). Guru, ibu bapa dan masyarakat perlu membantu kanak-kanak ini supaya mereka dapat belajar dengan baik dan dapat memupuk minat mereka terhadap apa yang dipelajari. Selain itu, guru-guru menggunakan kaedah mengajar berpusatkan kepada pelajar. Pemerhatian yang begitu tinggi mewujudkan rasa kasih sayang dan mesra di kalangan pelajar. Dengan itu guru boleh mendapatkan perhatian pelajar mereka. Pendapat ini sejajar dengan pendapat Abd Rashid (2005), iaitu suasana yang riang dan selesa serta bersih menjadi dorongan kepada murid-murid untuk menambah minat dan mengekalkan penumpuan terhadap pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Komponen masakan merupakan satu komponen yang perlu dipelajari oleh pelajar istimewa ini. Di antara kepentingan mempelajari Komponen Masakan di kalangan pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran ini ialah membantu mereka menyediakan sendiri makanan yang mereka suka. Pada peringkat awal, program pendidikan khas adalah memberi pendedahan kepada pelajar berkeperluan khas mempelajari dan menguasai kemahiran hidup (Ishak *et al.*, 2014). Silibus pendidikan khas pada ketika itu hanya sekadar untuk tujuan keperluan hidup (Lokman *et al.*, 2009). Walaubagaimanapun selepas transformasi Standard Sekolah Menengah pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (2014) dibina supaya pembelajaran yang diperolehi di dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti secara optimum kepada murid-murid masalah pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam kehidupan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Orang kurang upaya juga perlu dididik supaya berkebolehan menanamkan dan membangunkan kemahiran-kemahiran bagi kelangsungan kehidupan sesuai dengan kecacatan yang dialami, (Akta Orang Kurang Upaya, 2008)

Mendidik pelajar istimewa ini bukanlah suatu tugas yang mudah. Kekurangan fizikal dan mental mereka menjadi satu cabaran yang besar di kalangan pendidik dan ibu bapa dalam mencapai objektif yang diharapkan. Semua pihak berharap hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran lebih fokus kepada penguasaan kemahiran bagi memenuhi keperluan individu, tidak terlalu menekankan akademik dan tidak membebankan murid, (KSSR Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran 2013). Penguasaan kemahiran amali diharapkan dapat membantu pelajar

istimewa ini hidup berdikari, mampu mengurus diri sendiri, seterusnya menyediakan diri untuk memasuki alam pekerjaan (Friend, 2006).Masalahnya kurikulum sedia ada kepada Pelajar Bermasalah Pembelajaran di program pendidikan khas integrasi (PPKI) dilihat lebih cenderung kepada pendidikan bercorak akademik dan sebaliknya aspek vokasional hanya merupakan aspek kecil yang diselitkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kurikulum vokasional pelajar bermasalah pembelajaran seharusnya menekankan kearah mendedahkan pelajar dengan kemahiran untuk bersosialisasi, meningkatkan keyakinan diri, hidup berdikari, kemahiran mentadbir kewangan dan mengorganisasi, penerapan bidang keusahawanan serta kemahiran mengawal diri yang menjadi kunci kejayaan dalam sesuatu bidang (Gerbe, 2003).

Apa yang dilihat pada hari ini apabila bidang kemahiran masakan yang didedahkan kepada pelajar tidak dapat memenuhi keperluan mereka dari segi minat dan kebolehan. Kajian oleh Mohd Salleh (2005) menunjukkan kelemahan kemahiran masakan kepada pelajar bermasalah pembelajaran salah satunya disebabkan oleh faktor, kemahiran amali masakan tidak diajarkan sepenuhnya dan pelajar hanya belajar kemahiran asas sahaja. Isunya dengan segala kekurangan yang mereka ada sejauh mana murid-murid ini dapat memahami isi kandungan komponen masakan yang diajarkan kepada mereka. Adakah murid-murid ini dapat melakukan semua aktiviti amali dan latihan yang diajarkan, seterusnya dapat menguasai latihan dan kemahiran masakan yang dipelajari untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Dapatlah dirumuskan di sini bahawa Komponen Masakan yang diajarkan di sekolah tidak dapat dikuasai sepenuhnya oleh pelajar ini. Pelajar pendidikan khas ini dilihat masih terlalu bergantung kepada guru dan ibu bapa di dalam menguruskan kehidupan seharian mereka.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif-objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenalpasti minat pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dalam Komponen masakan yang di pelajari di sekolah.
- ii. Menenalpasti kefahaman pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran ini terhadap isi kandungan komponen masakan yang dipelajari.
- iii. Menenalpasti tahap penguasaan kemahiran amali masakan yang dipelajari untuk membantu pelajar berdikari.

4.0 PENDIDIKAN KHAS

Kerajaan telah membina sekolah khas seperti Sekolah menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang (1969) yang menawarkan mata pelajaran Vokasional (MPV) manakala sekolah menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam (1987) menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia. Program Pendidikan Khas Integrasi bagi pelajar yang menghadapi masalah pendengaran pula terdapat di Sekolah Menengah teknik (SMT) di seluruh Malaysia seperti SMT Azizah Johor Bahru, SMT Langkawi, SMT Batu Pahat, Johor, SMT Bagan serai, Perak, SMT Tanah Merah, Kelantan dan SMT Keningau Sabah. Falsafah pendidikan khas ialah satu usaha yang berterusan untuk menggalakkan perkembangan optima seseorang individu sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan

menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Jabatan Pendidikan Khas, 2005).

Visi pendidikan khas ialah dengan memberikan pendidikan yang berkualiti bagi menjana murid berkeperluan khas selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan manakala misinya ialah dengan membangunkan modal insan yang cemerlang berasaskan empat prinsip iaitu sistem pendidikan yang berkualiti, relevan dan menyeluruh. Kedua, perkembangan potensi diri ke tahap yang optimum, keupayaan berdaya saing dan kebolehpasaran dan perkongsian pintar dengan pelbagai pihak. Menurut Mohamed Yusof *et al.*, (2012) objektif pendidikan khas perlu menyediakan peluang dan kemudahan pendidikan khas untuk murid-murid dengan keperluan khas, menyediakan pendidikan yang sesuai dan relevan kepada setiap murid dengan keperluan asas, menyediakan peluang untuk mengembangkan bakat dan potensi murid dengan keperluan khas, menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi. Kajian daripada Nurul Hidayah (2009) pula mendapati Pelajar Bermasalah Pembelajaran terdiri daripada mereka yang kurang kemampuan belajar disebabkan oleh masalah pemahaman, pertuturan, penulisan dan penyelesaian masalah matematik. Sehubungan itu, kekurangan ini menyebabkan pencapaian dalam akademik mereka juga rendah dan seterusnya menimbulkan pelbagai masalah lain dari berbagai pihak.

Bagi memenuhi keperluan dan kehendak Falsafah Pendidikan Khas, kurikulum yang dibina berlandaskan kepada tiga prinsip utama iaitu pendidikan menyeluruh dan bersepadu bertujuan memberi fokus kepada potensi individu meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Potensi ini hendaklah dipertingkatkan melalui penglibatan kumpulan pelbagai disiplin secara *kolaboratif* dan bersepadu. Prinsip yang kedua ialah pembelajaran yang menggembirakan dan bermakna merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang merangsang dan mengekalkan minat murid berkeperluan khas kepada pembelajaran. Suasana pembelajaran yang kondusif perlu diberi penekanan agar murid dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran yang boleh digunakan untuk keperluan diri dan masyarakat. Ini dapat melahirkan murid yang berkeyakinan dan berfikiran terbuka. Prinsip yang ketiga ialah pendidikan sepanjang hayat iaitu merupakan pemerolehan ilmu pengetahuan dan kemahiran di alam persekolahan yang dapat menjana penguasaan ilmu secara berterusan untuk digunakan dalam kehidupan seharian (Jabatan Pendidikan Khas, 2005). Prinsip di atas perlu dilaksanakan melalui proses yang melibatkan tiga aspek iaitu bidang pembelajaran, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, dan penilaian yang berteraskan kepada keperluan individu (Lokman *et al.*, 2009). Hassan Z (2007) menyatakan adalah penting untuk menyediakan kurikulum yang bersesuaian dengan tahap kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak tersebut. Kurikulum ini juga menetapkan satu bentuk pengajaran yang tidak terikat, iaitu aktiviti-aktiviti pembelajaran boleh dibentuk mengikut keperluan dan keupayaan murid melalui bidang-bidang seperti pengurusan kehidupan, kerohanian nilai-nilai murni, sosial, riadah dan kreativiti. Mata pelajaran Kemahiran Hidup Asas disusun mengikut empat komponen iaitu masakan, jahitan, perkebunan dan penternakan haiwan. Kajian ini akan menfokuskan kepada komponen masakan.

5.0 KOMPONEN MASAKAN

Bagi murid pendidikan khas, komponen masakan memberi penekanan kepada pengetahuan asas, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan bidang memasak. Perkara ini penting untuk membolehkan murid sedar dan berkeyakinan mempraktikkan keperluan sosial untuk berdikari. Komponen ini bertujuan melatih murid supaya berkemahiran dan mampu berdikari untuk diaplikasikan di dalam kehidupan seharian dengan lebih berkeyakinan. Kurikulum Pendidikan Khas (2004) menggariskan objektif komponen masakan seperti berikut:

- i. Mengetahui langkah-langkah keselamatan dibilik masakan
- ii. Mengetahui dan mengamalkan penjagaankebersihan
- iii. Mengenal alatan masakan dan fungsinya
- iv. Mengenal dan mengetahui cara menyimpanbahan mentah
- v. Menyedia dan mengaplikasi pengetahuan masakan ke dalam kehidupan sebenar

Dengan melakukan kerja- kerja amali pelajar dapat menguasai teknik-teknik amali yang melibatkan penggunaan atau pengendalian instrumen yang terdapat di dalam makmal dengan teknik yang betul dan selamat. Abu Bakar (2010) menyatakan amali adalah cara penggunaan, membersihkan dan menyimpan segala peralatan di makmal atau bengkel. Pembelajaran secara *hands-on* juga dapat membantu pelajar memperoleh dan meningkatkan sesuatu kemahiran (Anyi, Grace 2007). Menurut Selamat,(2000) pembelajaran yang berkesan, cekap dan bermakna adalah mempunyai unsur berteraskan aktiviti atau “belajar melalui membuat” iaitu *hands-on*. Kemahiran psikomotor merupakan salah satu kemahiran *hands-on*. Kemahiran ini dikenalpasti apabila seseorang pelajar meningkatkan kualiti pergerakan dengan mengulangipergerakan tersebut berulang kali. Pencapaian terhadap kemahiran psikomotor inidiperolehi dengan menjalani latihan dan praktikal.

6.0 PENGUASAAN KEMAHIRAN AMALI DI KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN.

Menurut rekod statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Khas (2008) menunjukkan bahawa faktor yang menyumbang kepada keciciran pelajar adalah disebabkan ketidakupayaan untuk menerima pelajaran yang diajar. Statistik ini menunjukkan pada tahun 2008, hampir 32,000 pelajar cicir dari pelbagai peringkat persekolahan tidak menguasai kemahiran literasi dan numerasi. Penguasaan kemahiran literasi dan numerasi pada peringkat awal pendidikan juga amat kritikal bagi seseorang kanak-kanak kerana penguasaannya akan menjadi lebih sukar di masa hadapan. Berdasarkan kepada statistik ini jelas menunjukkan pelajar-pelajar pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran perlu dilengkapi dengan kemahiran amali seperti masakan, pernyataan ini selari dengan kenyataan Zainudin (2004) kemahiran amali perlu sebagai persediaan untuk mengurus diri sendiri dan menyediakan diri untuk peluang pekerjaan. Amali adalah teori yang dipelajari bukan berdasarkan pengalaman sebenar atau pelaksanaan prinsip sesuatu ilmu pengetahuan. Ianya dipelajari berasaskan pengalaman mengendalikan sesuatu perkara (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003) manakala kemahiran adalah pengetahuan secara praktikal yang merupakan gabungan kebolehan, pengetahuan dan pengalaman (Kamus Dewan, 2005). Kemahiran juga merupakan satu gagasan ilmu yang berkaitan dengan perlakuan

seseorang dimana ianyaditunjukkan melalui kaedah demonstrasi dan juga dipelajari melalui pengalaman secara praktikal, (Zainudin, 2004). Penguasaan kemahiran di kalangan pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dipengaruhi oleh minat (Elliot dan Thurlow, 2006). Gerber (2003) menyatakan adalah penting bagi pelajar masalah pembelajaran diajarkan dengan kemahiran-kemahiran yang dapat memastikan pelajar bekerja kelak. Pelajar bermasalah pembelajaran mempunyai kemampuan untuk menguasai kemahiran yang berteknologi tinggi sekiranya mereka diberi peluang mempelajarinya dan di ajar dengan sempurna. Selain itu bidang-bidang kemahiran yang disediakan haruslah sesuai dengan keperluan individu pelajar berkenaan. Dapatan ini selari dengan pendapat Madaus, *et al.*, (2002).Pelajar pendidikan khas masalah pembelajaran ini juga perlu sentiasa diingatkan untuk menerima ketidak upaya diri seadanya (Gerber, 2003). Kemahiran menggunakan peralatan berteknologi tinggi akan membantu pelajar menggunakan peralatan memasak yang berteknologi dan menjimatkan masa.

7.0 TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN TERHADAP AMALI MASAKAN

Kajian yang dilakukan oleh Etemi (2011),menyatakan hasil pembelajaran adalah hasil gabungan antara pengetahuan, kemahiran, keupayaan, sikap dan pemahaman seseorang individu dalam sesuatu kursus atau program. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Learning Resources Unit (2003), hasil pembelajaran dapat menentukan tingkahlaku seseorang pelajar selepas satu pengalaman pembelajaran.Antara kepentingan hasil pembelajaran adalah dapat menyediakan satu tanda aras objektif bagi penilaian pengajian sebelumnya, membantu membimbing dan mengelolakan pengajar dan pelajar serta dapat melihat sejauhmana kedalaman pemahaman dan pengetahuan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian yang dijalankan oleh Mohamad Yusof (2012) menunjukkan bahawa pelajar bermasalah pembelajaran mempunyai tahap pengetahuan sediada yang rendah jika dibandingkan dengan keperluan yang sepatutnya.Penyataan ini berdasarkan dapatan kajiannya yang menunjukkan bahawa Pelajar Bermasalah Pembelajaran tidak mempunyai kemahiran bekerja setelah mereka keluar dari alam persekolahan.Pelajar Bermasalah Pembelajaran menghadapi masalah dalam menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diberikan kerana tahap kemampuan mereka masih di tahap rendah dan sukar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang baru (Lokman & Nurul Qistina, 2009).Berkaitan kemahiran vokasional yang diperlukan di masa hadapan. Gerber (2003) berpendapat kemahiran sosial seperti berkomunikasi, menerima pendapat (*reciprocating*), menyokong pendapat orang lain dan mengambil tanggungjawab perlu juga dititik beratkan. Pelajar masalah pembelajaran yang tidak diberikan fokus kepada kemahiran sosial adalah berisiko gagal dalam perhubungan sosial di dalam kalangan keluarga dan masyarakat..

8.0 MINAT DI KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN KHAS TERHADAP KOMPONEN MASAKAN

Abdul Razak, (2005) menyatakan kemahiran dan teknik pengajaran yang baik serta serasi dengan kemampuan pelajar berkeperluan khas dijangka dapat mempertingkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Minat juga sering dikaitkan dengan aspirasi kerana

kedua-dua perkataan ini membawa maksud yang hampir sama, namun tetap terdapat perbezaan di antara kedua-duanya. Aspirasi mewakili matlamat individu dalam sesuatu keadaan manakala minat pula menggambarkan kecenderungan emosi individu terhadap sesuatu (Rojewski, 2005). Dalam usaha mendidik golongan ini, kemahiran yang tinggi yang dimiliki oleh guru khususnya dalam bidang teknikal dijangka akan dapat membantu pelajar merasa tidak tersisih serta mampu belajar dengan lebih berkesan. Zamri (2007) menyatakan dengan adanya minat terhadap setiap kemahiran yang dipelajari mampu mendorong pelajar melakukan kerja amali pada tahap kecekapan yang tinggi. Kanak-kanak berkeperluan khas yang mempunyai masalah pertuturan terutamanya mempunyai keinginan dan seronok untuk belajar seni, contohnya, seni tari, seni muzik, seni lukis, dan kraftangan. Melalui seni, bakat dan potensi mereka dapat dipertingkatkan, mereka tidak berasa malu dan yakin untuk belajar. Bagi mata pelajaran bahasa, kanak-kanak ini kurang berminat untuk belajar kerana memerlukan kemahiran membaca, menulis dan bertutur. Kemahiran Hidup pula antara salah satu mata pelajaran yang mempunyai kemahiran psikomotor dan kognitif. Bagi pelajar berkeperluan khas mereka lebih berminat untuk belajar isi kandungan yang mempunyai kemahiran psikomotor seperti membuat amali bercucuk tanam berbanding dengan pembelajaran secara teori (Zamri, 2007) Walaupun mereka mempunyai banyak kekurangan dari segi mental dan fizikal namun mereka masih mampu melaksanakan kemahiran yang diajarkan sejajar dengan kajian (Crow & Crow, 2000) yang membuktikan minat adalah daya penggerak yang mendorong pelajar supaya memberikan perhatian kepada seseorang, benda dan kegiatan.

9.0 METODOLOGI KAJIAN

Di dalam kajian ini seramai 30 orang pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran sekolah menengah harian biasa yang menjalankan program *insklusif* pendidikan khas di daerah Kuantan digunakan sebagai sampel. Sampel yang digunakan ini diharap dapat memberikan maklumat yang benar-benar dikehendaki dan sampel benar-benar dapat mewakili populasi. Satu set soal selidik yang telah diperuntukkan kepada responden yang terdiri daripada sampel pelajar pendidikan khas masalah pembelajaran. Soal selidik merupakan satu bentuk instrumen yang boleh digunakan untuk mendapatkan data secara langsung daripada responden berhubung dengan sesuatu perkara yang dikaji oleh pengkaji. Soal selidik direka berdasarkan objektif kajian dan sorotan kajian lepas. Pembinaan item bagi instrumen kajian ini akan dijalankan setelah mendapat persetujuan pakar sebagaimana penerangan di atas. Bagi membina instrumen kajian, penyelidik telah mengadaptasi dan mengubahsuai beberapa borang soal selidik yang telah dibina oleh penyelidik-penyelidik terdahulu.

Setelah kajian rintis dijalankan, pengedaran borang soal selidik dilaksanakan kepada responden mengikut bilangan yang ditetapkan. Data yang dikumpulkan daripada responden telah dianalisis skor min menggunakan perisian *Winsteps* 3.69.11. Dalam set soal selidik ini, Skala Likert digunakan untuk mengukur darjah persetujuan dan pandangan responden terhadap sesuatu kenyataan. Tanggapan responden dalam bahagian ini diukur dengan menggunakan Skala Likert yang terdiri dari lima peringkat di mana skala 1 menggambarkan maklumbalas negatif dan skala 5 menggambarkan maklumbalas positif. Data-data yang telah diperolehi dianalisis dan ia bergantung kepada jenis soalan yang dikemukakan oleh responden dalam borang soal selidik. Hasil dapatan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Analisis data menggunakan melalui perisian

Winsteps 3.69.11amat sesuai kerana perisian ini boleh menyimpan data, mendapatkan kembali data yang disimpan, mengolah dan mengubah data, mengira statistik dan membina laporan dengan mudah (Ariffin, Ariffin & Mohamed,2008)

10.0 DAPATAN KAJIAN

10.1 MINAT PELAJAR PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN DALAM MEMPELAJARI KOMPONEN MASAKAN

Bagi menjawab persoalan di atas, analisis data telah menggunakan perisian *Windstep*. Tahap penguasaan pelajar pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dalam Komponen Masakan telah diukur melalui soal selidik dengan mengemukakan 10 item yang mengukur bagi konstruk minat pelajar. Pengkaji telah memberi kod “M” bagi minat .Hasil analisis mendapati bahawa nilai min skor bagi konstruk minat adalah 4.846 iaitu pada tahap yang tinggi seperti merujuk kepada jadual 1.0 di bawah. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran yang diambil sebagai responden telah memberi maklum balas bahawa mereka mempunyai tahap minat yang tinggi dalam Komponen Masakan dengan nilai min yang tinggi diantara 5.00 sehingga 4.666. Berdasarkan nilai min yang paling tinggi adalah pada soalan kedua iaitu saya suka belajar memasak bersama guru yang memperoleh 5.00. Manakala nilai min yang ke dua tertinggi pula dilihat pada soalan kelapan iaitu belajar cara membersihkan bahan mentah yang mana nilai min adalah sebanyak 4.966. Manakala nilai min yang paling rendah iaitu sebanyak 4.666 berada pada item ketujuh iaitu saya suka belajar cara menyimpan peralatan memasak.

Jadual 1.0: Minat Pelajar Dalam Mempelajari Komponen Masakan

	ITEM	UKURAN	JUM SKOR	KIRAAN	SKOR MIN	TAHAP
	Saya suka..					
1	Memasak	28.70	148	30	4.9333	Tinggi
2	Belajar memasak bersama guru	9.20	150	30	5	Tinggi
3	Belajar cara memasak nasi	40.94	144	30	4.80	Tinggi
4	Belajar cara membersihkan pinggan mangkuk	44.45	142	30	4.7333	Tinggi
5	Belajar cara menggunakan pisau dengan betul	42.79	143	30	4.7666	Tinggi
6	Membantu ibu membeli bahan masakan di pasar	21.45	149	30	4.966	Tinggi
7	Belajar cara menyimpan peralatan memasak	47.31	140	30	4.666	Tinggi
8	Membersihka bahan mentah	21.45	149	30	4.4966	Tinggi
9	Memotong sayur dengan betul	36.25	146	30	4.8666	Tinggi
10	Belajar cara menyiapkan meja makan	42.79	143	30	4.7666	Tinggi
Jumlah skor min					4.846	Tinggi

10.3 KEFAHAMAN PELAJAR PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN TERHADAP ISI KANDUNGAN KOMPONEN MASAKAN

Hasil analisis mendapati bahawa nilai keseluruhan min skor bagi konstruk kefahaman pelajar adalah 4.3933 iaitu pada tahap yang tinggi seperti merujuk kepada Jadual 2.0. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran yang diambil sebagai responden telah memberi maklum balas bahawa mereka mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap isi kandungan Komponen Masakan dengan nilai min yang tertinggi 5.0. Berdasarkan nilai min yang paling tinggi adalah pada soalan kelima belas iaitu saya tahu kegunaan apron yang memperoleh 5.00. Manakala nilai min yang ke dua tertinggi pula dilihat pada soalan ketiga iaitu saya tahu kegunaan pengisar makanan yang mana nilai min adalah sebanyak 4.90. dan nilai min yang paling rendah dan menunjukkan tahap sederhana iaitu sebanyak 3.16 berada pada item ketujuh iaitu saya tahu menggunakan dapur gas..

Jadual 2.0 : Ringkasan Dapatan Kajian Berkaitan Kefahaman Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Terhadap Isi Kandungan Komponen Masakan

11	ITEM	UKURAN	JUM SKOR	KIRAAN	SKOR MIN	TAHAP
	Saya tahu...					
1	Peraturan keselamatan di bilik masakan	49.77	138	30	4.6	Tinggi
2	Mengenalpasti peralatan memasak yang digunakan di dapur	50.89	137	30	4.56	Tinggi
3	Fungsi pengisar makanan	33.06	147	30	4.9	Tinggi
4	Membezakan diantara periuk dan kualiti	61.10	125	30	4.166	Tinggi
5	Cara memasak nasi goreng dengan kaedah yang betul.	50.89	137	30	4.56	Tinggi
6	Menggunakan periuk nasi elektrik dengan cara yang betul.	48.58	139	30	4.63	Tinggi
7	Cara menggunakan dapur gas dengan betul	95	77.35	30	3.16	Sederhana
8	Menyenaraikan bahan yang hendak dibeli	109	70.47	30	3.63	Sederhana
9	Membezakan ayam dan daging	137	50.89	30	4.56	Tinggi
10	Menyimpan peralatan memasak ditempatnya selepas digunakan.	121	63.73	30	4.03	Tinggi
11	Menjaga kebersihan diri sewaktu memasak	120	64.35	30	4	Tinggi
12	Cara membersihkan meja makan	141	45.94	30	4.7	Tinggi
13	Cara mengemop lantai dengan betul	139	48.58	30	4.6333	Tinggi
14	Cara menyapu lantai dengan betul	142	44.45	30	4.7333	Tinggi
15	Kegunaan apron sewaktu memasak	150	9.20	30	5	Tinggi
Jumlah Skor Min					4.3933	Tinggi

10.4 DAPATAN KAJIAN BAGI ASPEK KEMAHIRAN AMALI MASAKAN BAGIPELAJAR PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

Bagi menjawab persoalan di atas , analisis data telah menggunakan perisian Windstep. Tahap kemahiran amali masakan di kalangan pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran telah diukur melalui soal selidik dengan mengemukakan 15 soalan. Pengkaji telah memberi kod “K” bagi kemahiran .Hasil analisis mendapati bahawa nilai min skor bagi konstruk kemahiran amali masakan di kalangan pelajar pelajar adalah 4.28 iaitu pada tahap yang tinggi seperti merujuk kepada jadual 4.3 di bawah. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran yang diambil sebagai responden telah memberi maklum balas bahawa mereka mempunyai tahap kemahiran amali masakan yang tinggi dengan nilai min yang paling tinggi diperolehi ialah 4.96. Berdasarkan nilai min yang paling tinggi adalah pada soalan kelima belas iaitu saya pernah membantu ibu membeli barang dapur di pasar yang memperoleh 4.96. Manakala nilai min yang ke dua tertinggi pula dilihat pada soalan kesebelas iaitu saya pernah membasuh sendiri tuala tangan yang mana nilai min adalah sebanyak 4.90. Manakala nilai min yang paling rendah dan menunjukkan tahap sederhana iaitu sebanyak 3.6 berada pada item ketiga iaitu saya pernah memasak nasi menggunakan periuk nasi elektrik.

Jadual 3.0: Ringkasan Dapatan Kajian Berkaitan Kemahiran Amali Masakan Bagi Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

BIL	ITEM	UKURAN	JUM SKOR	KIRAAN	SKOR MIN	TAHAP
1	Saya pernah... Memasak nasi sendiri	70.98	108	30	3.6	Sederhana
2	Mencuci sendiri pinggan mangkuk selepas smakan	42.79	143	30	4.7666	Tinggi
3	Memasak nasi menggunakan periuk nasi elektrik	70.98	108	30	3.6	Sederhana
4	Membantu kawan mencuci pinggan dan cawan	44.45	142	30	4.7333	Tinggi
5	Membancuh minuman untuk keluarga	56.55	131	30	4.3666	Tinggi
6	Membantu guru menutup tingkap bilik masakan	64.35	120	30	4	Tinggi
7	Menyimpan sendiri peralatan memasak ditempatnya selepas dicuci	64.35	120	30	4	Tinggi
8	Membantu ibu membersihkan bahan mentah	58.16	129	30	4.3	Tinggi
9	Menggunakan pisau untuk memotong sayu	42.79	143	30	4.7666	Tinggi
10	Membantu ibu mengemas meja makan	40.94	144	30	4.8	Tinggi

11	Membasuh sendiri tuala tangan	33.06	147	30	4.9	Tinggi
12	Membantu ibu mengemop lantai	67.27	115	30	3.8333	Tinggi
13	Menulis senarai barang yang akan dibeli	67.82	114	30	3.8	Tinggi
14	Membantu ibu mengira jumlah harga barang yang dibeli	68.37	113	30	3.7666	Tinggi
15	Membantu ibu membeli barang dapur di pasar	21.45	149	30	4.9666	Tinggi
JUMLAH SKOR MIN					4.28	Tinggi

10.0 KESIMPULAN

Hasil kajian ini iaitu Tahap Penguasaan Terhadap Komponen Masakan Di Kalangan Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran adalah dari aspek minat, kefahaman terhadap isi kandungan dan kemahiran dalam amali masakan. Daripada ketiga-tiga aspek yang dikaji ini pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran bersetuju pada tahap yang tinggi terhadap aspek minat, kefahaman dan kemahiran. Dapatan ini menunjukkan Pelajar-pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran ini mempunyai minat yang tinggi dan mampu menguasai kefahaman serta kemahiran di dalam Komponen Masakan walaupun mereka mempunyai kekurangan dari segi neurologikal, fizikal, psikologikal dan masalah persekitaran. Pelajar-pelajar khas merupakan watak pasif dalam program pendidikan khas, kekuatan mereka perlu disuntik dan dibentuk semula untuk menjadikan mereka manusia yang boleh menyumbang ke tahap yang paling optima sekurang-kurangnya untuk diri sendiri. Transformasi kurikulum pendidikan khas digubal supaya pembelajaran yang diperolehi di dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Namun Kurikulum ini hanya menyediakan pengetahuan dan kemahiran asas sahaja yang tidak dapat membantu mereka menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi untuk mencari rezeki selepas tamatnya alam persekolahan. Pada dasarnya kanak-kanak Istimewa ini mampu dididik. Semua pihak perlu bertanggungjawab dalam mengatasi masalah ini demi memastikan kanak-kanak Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dapat berdikari tanpa mengharapkan bantuan dari ibubapa semata-mata. Peranan guru, pihak sekolah dan ibubapa penting dalam membantu pelajar Kelainan Upaya ini menguasai pengetahuan, kemahiran dan mempunyai minat yang tinggi terhadap isi kandungan pembelajaran yang diajarkan khususnya bagi Komponen Masakan. Harapan pengkaji Pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dapat mengaplikasikan semua ilmu yang mereka dapat di dalam kehidupan seharian.

RUJUKAN

- Gay, L.R. and Airasian, P.(2000).Educational Research: Competencies For Analysis and Application. New York: Merrill
- Haji Bakyr.H.M.2003.Kamus Bahasa Melayu Nusantara. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.ms 205
- Hassan, Z, et al.(2007). Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar di Kalangan Guru Pelatih. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis
- Jabatan Pendidikan Khas.(2005). Sukatan Pelajaran Mata Pelajaran Vokasional Khas. Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Menengah: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Khas.2003.Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Konting, M.M (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan . Edisi Ketujuh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konting.M.M. (2004).Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: *Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah menengah Dan Rendah*.2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Lokman.et al.(2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk Pelajar Berkeperluan Khas.*Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 24, 73-87.
- Mohamed Yusof. A.(2012). Penerapan Kemahiran Keboleherjaan dalam kalangan Pelajar Berkeperluan Khas.*Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA*. Hotel Puteri Pasific: Johor Bahru.
- Sidek M.N.(2002). RekaBentuk Penyelidikan. Falsafah, Teori Dan Praktis. Serdang: Tesis Sarjana Muda Pendidikan *SPSS for windows third edition (version 15)*. Open University Press, *Mc Graw Hillvocational and IT provision and competencies of secondary and primary*
- Wiersma, W.2000. *Research in Education.An Introduction*.Boston : Allyn and Bacon.